

BERSAMA
KAUNSELORPn Siti Fatimah
Abdul Ghani
Kaunselor Berdaftar
Seksyen Kaunseling
Pelajar, Universiti
Putra Malaysia

? **Sedihnya** rasa hati tidak tertahan. Hanya Tuhan Yang Maha Mengetahui perasaan ini. Meskipun kepergian ini sudah dua tahun, saya cukup terkesan dengan peristiwa ini.

Mereka pergi dalam jangka masa yang dekat. Bermula dengan kepergian arwah ibu disebabkan mati mengejut selang setahun kemudian, ayah pula meninggalkan kami akibat kemalangan jalan raya.

Sebagai anak perempuan sulung dalam keluarga, tanggungjawab besar perlu saya pikul bagi menguruskan adik-adik seramai lima orang. Sesungguhnya, saya cukup bertuah kerana keluarga terdekat banyak membantu terutama bapa saudara.

Meskipun keluarga bukan orang berada, mereka banyak membantu. Bebanan saya ialah dari segi pengurusan diri sendiri sepanjang pengajian di universiti.

Tidak dinafikan, selain elauan pengajian, saya bertuah kerana mendapat bantuan kebajikan serta zakat dari universiti. Namun, saya perlukan seseorang untuk membantu

Semangatku KIAN PUDAR

Pelajar pikul tanggungjawab urus 5 adik selepas kematian ayah dan ibu

menaikkan semangat yang hilang dan kebuntuan dan emosi yang mudah terganggu.

Saya perlukan semangat untuk meneruskan kehidupan ini dan mengejar cita-cita saya.

**LAILI,
Kedah.**

! **Saya** ucapkan salam takziah kepada anda atas kepergian insan tercinta dan penting dalam hidup. Yang pergi tetap pergi, namun itulah hakikat yang perit untuk diterima. Saya doakan semoga arwah ditempatkan dalam kalangan mereka yang beriman.

Menyentuh kehilangan ibu bapa, ia sesuatu yang sukar kerana dunia menjadi kelam dan jiwa sering terusik. Namun, kenangan dan semangat yang dipelajari daripada arwah adalah sesuatu yang tidak boleh

dibeli dengan wang ringgit. Sedekahkan Al-Fatihah.

Memikul tanggungjawab sebagai ketua keluarga secara drastik bukan perkara yang mudah. Jika diberikan kepada saya pun, tanggungjawab itu memerlukan kematangan fikiran, emosi serta jiwa yang kuat. Percaya bahawa, semakin berat bebanan itu ditempuhi, semakin banyak pengajaran kehidupan yang diperoleh dan didatangkan Allah SWT kepada kita.

Justeru, kumpulkan sebanyak mana pengetahuan, kemahiran serta cara untuk memperteguhkan emosi serta imbalan pemikiran yang positif, matang dan reda.

Saya mendapati sokongan ahli keluarga yang lain terutamanya bapa saudara amat penting dan anda cukup bertuah memiliki mereka ini yang sudi menghulurkan bantuan. Sesungguhnya kesukaran

dalam kesepian ini adalah proses kematangan emosi yang terunggul.

Perhebatkan lagi silaturahmi dengan ahli keluarga lain khususnya yang banyak membantu. Terima kasih kepada mereka dan didik adik-adik untuk menghormati insan penting ini. Tanpa mereka, sudah pasti kesedihan ini akan mengganggu jiwa raga.

Hormati mereka sebagai tempat rujukan menggantikan arwah ayah dan ibu. Benar kasih sayang ibu bapa tiada penggantinya, namun inilah realitinya.

Menyentuh semangat yang hilang, sedarilah nikmat usia itu amat berharga. Selagi nyawa dikandung badan, selagi itulah kita semua bakal mengharungi kehidupan yang masih panjang. Pelbagai ujian, cabaran, halangan dan pengalaman yang dijalani.

Maksudnya di sini, setiap

daripada kita semua mempunyai peranan dan tanggungjawab. Cuma setiap satunya adalah berbeza dan inilah yang direncanakan Allah SWT. Seperti kita ketahui ajal itu adalah rahsia Allah SWT. Dekatkanlah diri kepada Allah agar jiwa lebih yakin dan bertambah utuh keimanan.

Didoakan semoga keutuhan iman ini mejadi penguat diri dalam meningkatkan semangat dan yakin diri.

Apabila kesedaran tanggungjawab itu, ketahuilah kita dibekalkan akal fikiran untuk memilih yang terbaik dan sesuai dengan kehidupan kita. Tanggungjawab dan peranan anda pelbagai, bermula dari rumah, seterusnya di universiti.

Justeru, komitmen 100 peratus untuk mencapai kejayaan agar ia mampu dinikmati ahli keluarga lain. Tanpa kejayaan itu, mungkin anda melewati

cabaran yang lebih besar. Oleh itu, perancangan kerjaya serta fokus dalam pengajian itu adalah tanggungjawab yang amat penting.

Kenal pasti kelemahan dalam pengajian dan atasinya secara bijak menerusi strategi yang berkesan. Ketahuilah bahawa kejayaan anda bukan hanya untuk diri sendiri tetapi tempasnya kepada semua ahli keluarga.

Selain bertawakal dan berusaha memajukan diri, yakinlah janji Allah itu pasti. Anda cukup bertuah dengan ada sokongan moral dan kewangan dari setiap pihak yang hadir dalam kehidupan anda dan keluarga yang lain.

Semangat akan bertambah dengan adanya keyakinan diri. Berdoalah agar dipermudahkan segala urusan.

Yang terakhir, iktiraf dan hargai pengorbanan semua termasuk diri sendiri atas segala ujian itu. Inilah kekuatan yang bukan dimiliki semua orang. Syukuri segala bentuk nikmat yang masih berbaki dan jati diri akan lebih kuat dan kukuh.

Salam rezeki daripada saya buat anda sekeluarga. Yakin boleh! Tuhan bersama-sama dengan kita setiap masa, detik dan di manapun kita berada.